

Headline	Premis, kawasan awam ditutup mulai hari ini		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	2,3	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 997
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,990



Premis, kawasan awam ditutup mulai hari ini

KUALA LUMPUR: Susulan perkembangan jangkitan COVID-19 yang semakin meningkat, kebanyakan premis dan kawasan awam akan mula ditutup sementara mulai hari ini.

Tindakan itu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin malam tadi yang mengisytiharkan bahawa Malaysia akan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa 18-31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Pada Jumaat (13 Mac), kerajaan turut memutuskan agar semua perhimpunan termasuk mesyuarat antarabangsa, acara sukan, sosial dan keagamaan ditangguhkan atau dibatalkan mengikut kesesuaian sehingga 30 April.

Sebanyak 125 kes baharu COVID-19 direkodkan pada Isnin yang menjadikan jumlah kes positif jangkitan wabak itu ialah 553 kes.

Sehubungan itu, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli telah mengarahkan taman Eko Rimba Bukit Nanas dan Hutan Simpan Sungai Besi di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ditutup berdasarkan perintah yang dikeluarkan kerajaan.

Selain itu, tempat-tempat awam di bawah seliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia juga akan ditutup sementara, katanya dalam satu kenyataan.

Tempat awam itu meliputi Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Paya Indah Wetlands, Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di Sungkai, Perak; Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Pendidikan Biodiversiti.

Arahan penutupan itu juga terpakai kepada kampus Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) termasuk taman Botani Kepong dan Taman Etnobotani

FRIM.

Manakala bagi Taman Negara Pahang, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Terengganu dan Taman Negara Pulau Pinang tiada lagi permit masuk baharu akan diluluskan mulai 17 Mac, 2020.

Sementara itu, di PERAK, Pengarah Jabatan Perikanan, Zaki Mokri berkata dalam satu kenyataan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyus (PKPP), Segari, di Lumut ditutup sementara sehingga ke suatu tarikh yang akan diumumkan nanti memandangkan lokasi itu menjadi tumpuan ramai pelancong dalam dan luar negara terutama pada musim cuti sekolah.

Sunway Lost World of Tambun (LWOT) dalam satu kenyataan berkata, taman tema itu akan ditutup sementara bermula esok sehingga dikeluarkan notis baharu.

LWOT akan melanjutkan pengesahan tiket untuk masuk ke Theme Park, Lost World Glamping dan Malayan Floating Villa menerusi rangkaian pembelian asal tiket.

Selain itu, Politeknik Ungku Omar, Ipoh mengumumkan penutupan kampus dengan para pensyarah diminta mengadakan kelas secara dalam talian mengikut kesesuaian masa dan perancangan kursus masing-masing.

Sementara itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam kenyataan memaklumkan sesi pengajian, kuliah dan latihan industri bagi semua Institusi Pendidikan MARA (IPMA) di seluruh negara dihentikan sementara dan diselaraskan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian atau dilaksana secara dalam talian.

Semua IPMA meliputi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Universiti Kuala Lumpur, Kolej Poly-Tech MARA, GIAT-MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Profesional MARA, Kolej MARA, Ger-

man-Malaysian Institute, Kolej Universiti Poly-Tech MARA dan Malaysia-Japan Industrial Institute.

Premis perniagaan MARA sama ada kompleks perniagaan, bazar, arked, kawasan industri dan medan selera turut diarah tutup bermula esok sehingga 31 Mac kecuali bagi pasar raya, pasar awam, kedai runcit, farmasi dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.

Bagi sebarang urusan berkaitan pembayaran, permohonan dan pertanyaan boleh dibuat secara dalam talian di www.mara.gov.my, menghubungi pusat panggilan MARA di talian 03-2613 2000 atau mengikuti media sosial rasmi MARA.

Di PAHANG, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) memaklumkan penutupan sementara lokasi pelancongan dan fasiliti di bawah kendaliannya di Pantai Teluk Cempedak, Pantai Batu Hitam, Mini Zoo Teruntum, Pusat Rekreasi Balok, Bazar Serambi Teruntum dan terowong Sungai Lembang.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin pula berkata semua acara pelancongan anjuran kerajaan negeri ditangguhkan serta merta, selain pihaknya tidak akan memenuhi acara atau jemputan rasmi acara pelancongan di dalam atau luar negara.

Di NEGERI SEMBILAN, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) Shamsuddin Ahmad berkata semua muzium di bawah pentadbirannya ditutup sementara sehingga 30 April ini.

Ia melibatkan Muzium Negeri di Bandaraya Seremban, Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti (Kuala Pilah), Muzium Rembau (Rembau), Teratak Za'ba (Jempol) dan Kompleks Megalith Pengkalan Kempas (Port Dickson).

Lihat Muka 3

Headline	Premis, kawasan awam ditutup mulai hari ini		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	2,3	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 997
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,990

Sambungan Dari Muka 2

Di PULAU PINANG, Pengerusi Lembaga Muzium Negeri, Yeoh Soon Hin berkata Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang, Georgetown turut ditutup sejak semalam sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) pula memaklumkan perkhidmatan kereta api funikular Bukit Bendera ditutup sementara bagi membendung wabak COVID-19.

"Bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan kereta api funikular adalah satu-satunya pengangkutan kepada sesetengah penduduk dan sebahagian daripada komuniti di Bukit Bendera, ia akan dijalankan secara terhad kepada mereka mengikut

jadual sepanjang tempoh 14 hari itu," menurut PBBPP.

Di SARAWAK, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam dan DBKU) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi berkata, pusat penjaja dan premis makanan termasuk pasar malam di bawah kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) diarah menutup sementara operasi mereka berkuat kuasa esok sehingga 31 Mac.

Menurutnya, perpustakaan DBKU di bangunan Majma Tuanku Abdul Halim Muazam Shah dan perpustakaan Komuniti DBKU, Muzium Kucing serta Taman Orkid di Pangkalan Sapi turut ditutup.

Dalam pada itu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menutup perkhid-

matannya kepada orang awam mulai semalam hingga 30 April ini, melibatkan PNM Jalan Tun Razak, semua perpustakaan komuniti dan perpustakaan desa di bawah seliaan PNM.

Bagaimanapun, PNM menerusi hebah dalam laman Facebook rasminya turut memaklumkan orang awam masih boleh melayari www.u-pustaka.gov.my yang menyediakan 13.2 juta bahan bacaan digital secara percuma.

Sementara itu, Pengurusan Divisyen Tol IJM, pengendali syarikat konsesi Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Baru Pantai (NPE) dan Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) memaklumkan penutupan semua kaunter lorong tambah nilai dan di plaza tol kendaliannya. - Bernama